



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepe.com



**KEPERLUAN KOMUNIKATIF BAHASA ARAB DALAM
KALANGAN GURU PELATIH PENDIDIKAN ISLAM: KAJIAN
ADAPTASI PROGRAM PARE INDONESIA**

*THE COMMUNICATIVE NEEDS OF ARABIC AMONG ISLAMIC EDUCATION
TRAINEE TEACHERS: A STUDY ON THE ADAPTATION OF THE PARE
PROGRAM FROM INDONESIA*

Shahrizad Shahabudin^{1*} Jazmi Mat Isa, Khadri Yaris², Ahmad Sahlan Abdul Hatim¹, Norarbainah Shafie¹

¹ Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim
Email: shahrizad@ipsah.edu.my, jazmi@ipsah.edu.my, ahmad_sahlan@ipsah.edu.my,
nor_arbainah@ipsah.edu.my

² Kolej Matrikulasi Pulau Pinang
Email: khadriys@yahoo.com.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 17.06.2025

Revised date: 08.07.2025

Accepted date: 26.08.2025

Published date: 17.09.2025

To cite this document:

Shahabudin, S., Mat Isa, J., Yaris, K., Abdul Hatim, A. S., & Shafie, N. (2025). Keperluan Komunikatif Bahasa Arab Dalam Kalangan Guru Pelatih Pendidikan Islam: Kajian Adaptasi Program Pare Indonesia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (59), 627-634.

DOI: 10.35631/IJEPC.1059045

Abstrak:

Kajian ini bertujuan mengenal pasti keperluan komunikatif bahasa Arab dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam dan menilai potensi adaptasi pendekatan pembelajaran bahasa Arab dari Kampung Pare, Indonesia ke dalam konteks latihan guru di Institut Pendidikan Guru Malaysia. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes digunakan melalui temu bual separa berstruktur melibatkan sepuluh orang guru pelatih semester II di IPGKSAH yang pernah mengikuti program bahasa Arab intensif dalam kursus BAMB1144. Dapatan menunjukkan keperluan komunikasi lisan merangkumi kemahiran memberi arahan, menyampaikan isi kandungan dan berinteraksi secara spontan dalam bahasa Arab. Kajian ini disandarkan pada kerangka teori pendidikan Islam melalui pandangan al-Ghazali serta prinsip komunikasi berkesan dalam al-Quran dan Hadis. Hasil kajian menunjukkan bahawa suasana pembelajaran yang immersif, interaktif dan berbimbingan secara talaqqi seperti di Pare menyokong pembangunan kompetensi komunikatif guru pelatih. Implikasi kajian mencadangkan modul latihan guru yang lebih kontekstual dan berasaskan pengalaman sebenar.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Kata Kunci:**

Komunikasi Bahasa Arab, Guru Pelatih, Kampung Pare, Pendidikan Islam, Latihan Guru

Abstract:

This study aims to identify the communicative needs in Arabic among trainee teachers of Islamic Education and to evaluate the potential adaptation of Arabic learning approaches from Kampung Pare, Indonesia into the teacher training context in Malaysian Teacher Education Institutes. A qualitative case study approach was employed using semi-structured interviews involving ten semester-seven trainee teachers from IPGKSAH who had undergone an intensive Arabic program in Pare. The findings reveal that oral communication needs include giving instructions, delivering content, and interacting spontaneously in Arabic. The study is grounded in Islamic educational theory as proposed by al-Ghazali, along with principles of effective communication in the Quran and Hadith. The findings indicate that an immersive, interactive, and guided learning environment such as in Pare supports the development of communicative competence. The study recommends the incorporation of contextual and experience-based modules in Arabic teacher training.

Keywords:

Arabic Communication, Trainee Teachers, Kampung Pare, Islamic Education, Teacher Training.

Pendahuluan

Penguasaan bahasa Arab merupakan elemen asas dalam pengajaran Pendidikan Islam kerana ia menjadi medium utama bagi memahami al-Quran, Hadis dan sumber-sumber utama ilmu Islam (Haron & Rahman, 2021; Omar & Ismail, 2022). Dalam konteks latihan guru di Malaysia, kemahiran komunikasi lisan dalam bahasa Arab masih berada pada tahap yang membimbangkan, terutamanya dalam kalangan guru pelatih yang bakal mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam. Latihan sedia ada dilihat terlalu berpusat kepada hafalan tatabahasa dan pembacaan, manakala pendedahan kepada komunikasi sebenar dan interaksi lisan amat terhad.

Sebagai usaha menangani cabaran ini, pendekatan dari Perkampungan Bahasa Kampung Pare, Kediri, Jawa Timur, Indonesia, diperkenalkan sebagai model latihan alternatif. Kampung Pare dikenali sebagai pusat latihan bahasa yang berjaya melahirkan pelajar yang fasih melalui pendekatan immersif dan komuniti berbahasa. Modul-modul di Pare dibina secara progresif dan bersifat praktikal dengan menekankan penggunaan bahasa dalam interaksi harian seperti perbualan pagi, aktiviti berkumpul dan tugas luar kelas. Modul tersebut disusun berdasarkan prinsip talaqqi dan latihan berasaskan tugas, yang bertepatan dengan pendekatan klasik dalam pendidikan Islam.

Keunikan pendekatan ini selari dengan kerangka teori al-Ghazali yang menekankan al-tafaqquh fi al-din, iaitu memahami ilmu melalui pengalaman, bimbingan langsung dan pembelajaran yang beradab. Oleh itu, adaptasi pendekatan Pare ini dilihat berpotensi untuk mengatasi kelemahan komunikasi lisan guru pelatih Pendidikan Islam. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti keperluan komunikatif guru pelatih dan menilai kebolehlaksanaan

pendekatan tersebut dalam konteks latihan guru di Institut Pendidikan Guru Malaysia. Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi meneroka keperluan komunikatif guru pelatih Pendidikan Islam serta menilai kebolehlaksanaan adaptasi pendekatan Pare dalam konteks latihan guru di Institut Pendidikan Guru Malaysia.

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berbentuk kajian kes, yang dipilih kerana ia membolehkan pemahaman secara mendalam terhadap fenomena keperluan komunikatif bahasa Arab melalui pelaksanaan Modul Pare dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim (IPGKSAH). Reka bentuk ini juga sesuai untuk meneliti pengalaman, persepsi, dan cabaran peserta dalam konteks sebenar, sejajar dengan pendekatan naturalistik. Asas teoritikal kajian berlandaskan kerangka pendidikan Islam yang merujuk kepada al-Quran, hadis, dan pemikiran al-Ghazali. Surah Ibrahim ayat 4 menegaskan kepentingan bahasa sebagai medium penyampaian ilmu, manakala hadis Nabi SAW yang bermaksud “*Sampaikan daripadaku walau satu ayat*” (Riwayat al-Bukhari) menggariskan peranan komunikasi dalam pendidikan. Pemikiran al-Ghazali dalam *Ihya’ Ulum al-Din* pula menekankan konsep *al-tafaquh fi al-din*, iaitu pemahaman ilmu melalui pengalaman, talaqqi, bimbingan langsung, dan adab (Omar & Ismail, 2022; Karim & Abdullah, 2019). Selaras dengan itu, pendekatan Pare yang berteraskan interaksi, komuniti, dan penggunaan bahasa dalam situasi autentik dianggap relevan dalam membentuk kefahaman menyeluruh.

Peserta Kajian

Peserta dipilih melalui pensampelan bertujuan (purposive sampling), melibatkan sepuluh orang guru pelatih semester II yang mengikuti kursus BAMB114 serta dua orang pensyarah yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan Modul Pare. Pemilihan ini membolehkan pengumpulan data yang kaya, relevan, dan bertepatan dengan objektif kajian.

Instrumen Kajian

Tiga instrumen utama digunakan:

1. Temu bual separa berstruktur bagi meneroka persepsi dan pengalaman peserta.
2. Pemerhatian tidak berstruktur semasa sesi pengajaran dan pembelajaran modul.
3. Analisis dokumen, termasuk modul pengajaran, bahan latihan, dan tugas pelajar.

Prosedur Pengumpulan Data

Pengumpulan data dijalankan dalam tiga fasa:

- Fasa 1: Temu bual bersemuka dijalankan selama 30–45 minit menggunakan soalan panduan yang telah disemak oleh dua pakar bidang.
- Fasa 2: Pemerhatian kelas direkod dan dicatat untuk menyokong proses triangulasi.
- Fasa 3: Dokumen sokongan dikumpul bagi melengkapkan maklumat tentang bentuk komunikasi serta keperluan pelajar.

Analisis Data

Data temu bual ditranskripsi sepenuhnya dan dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti 8. Kaedah analisis tematik berpandukan model Braun dan Clarke (2006) digunakan, yang merangkumi enam peringkat: (1) pembacaan data awal, (2) pengekodan awal, (3) pencarian tema, (4) semakan tema, (5) pendefinisian dan penamaan tema, serta (6) penulisan laporan.

Kod yang dikenal pasti dikelompokkan kepada kategori, tema, subtema dan sub-subtema sebelum ditafsir selaras dengan objektif kajian.

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Kesahan dan kebolehpercayaan dapatan dipastikan melalui:

- Triangulasi kaedah (temu bual, pemerhatian, analisis dokumen).
- Semakan ahli (member checking) untuk mengesahkan kesahihan data.
- Perbincangan rakan penyelidik dan pakar bagi meningkatkan kesepaduan interpretasi.

Etika Penyelidikan

Kajian ini telah mendapat kelulusan etika daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi IPGKSAH. Semua peserta memberikan persetujuan bertulis, dan identiti mereka dirahsiakan sepenuhnya. Data dikendalikan menurut garis panduan etika penyelidikan dan hanya digunakan untuk tujuan akademik. Kajian ini disandarkan kepada teori pendidikan Islam berasaskan al-Quran, Hadis dan pandangan sarjana Islam seperti al-Ghazali. Kerangka konseptual kajian ini merangkumi tiga komponen utama seperti di dalam Rajah 1.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

Hubungan antara ketiga-tiga komponen ini menunjukkan bahawa teori Islam mendorong amalan pembelajaran bahasa yang hidup dan interaktif, selari dengan pendekatan Pare yang menyokong keperluan semasa guru pelatih dalam membina kompetensi komunikasi bahasa Arab secara kontekstual. Rajah kerangka konseptual ini boleh digambarkan secara visual dalam bentuk tiga lapisan berhubung:

[Teori Al-Quran, Hadis, Al-Ghazali] → [Kompetensi Guru Pelatih] → [Modul Pare]

Ini menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran bahasa Arab secara kontekstual, immersif dan autentik seperti yang dilaksanakan di Kampung Pare mempunyai asas yang kukuh dalam

menyokong keperluan guru pelatih masa kini. Ini dibuktikan melalui kajian (Noraini et al. , 2022; Ahmad & Mahmood, 2021; Ali & Yusuf, 2020) yang menegaskan keberkesanan strategi komunikatif dalam meningkatkan keyakinan dan kefasihan guru pelatih, serta kajian Rahmat (2021) yang menunjukkan bahawa pengalaman pembelajaran berasaskan simulasi dan aktiviti harian mampu memperkukuh kemahiran lisan pelajar. Selain itu, dapatan Fauzi dan Rahmawati (2023) mengesahkan bahawa penilaian lisan berasaskan prestasi lebih autentik dalam mengukur keberkesanan komunikasi.

Walaupun terdapat perbezaan pendekatan seperti yang dicadangkan oleh Latif dan Rahman (2020) yang menyokong pendekatan tatabahasa tradisional, kesemua kajian tersebut sependapat bahawa komunikasi lisan adalah keperluan utama dalam latihan guru masa kini. Dapatan ini menyokong teori yang digunakan dalam kajian ini iaitu pandangan al-Ghazali yang menekankan pentingnya al-tafaquh fi al-din yang tidak hanya menekankan aspek ilmu teori tetapi pelaksanaannya secara amal, komunikasi langsung, dan suasana pembelajaran yang hidup dan beradab. Oleh itu, teori ini menjadi landasan kukuh dalam menilai keberkesanan pendekatan Pare dan kesesuaiannya untuk diadaptasi dalam latihan guru pelatih Pendidikan Islam di Malaysia.

Dapatan Kajian

Hasil analisis temu bual mendapati tiga tema utama berkaitan keperluan komunikatif guru pelatih Pendidikan Islam: (1) Penguasaan Bahasa Arab Lisan dalam Konteks Pengajaran, (2) Pengaruh Suasana Imersif terhadap Keyakinan Berbahasa, dan (3) Implikasi Latihan Pare terhadap Pembelajaran Berkesan.

Tema 1: Penguasaan Bahasa Arab Lisan dalam Konteks Pengajaran

Subtema 1.1: Memberi Arahan dan Penjelasan Dalam Kelas

Guru pelatih menyatakan keperluan utama ialah kemampuan untuk menyampaikan isi pengajaran, memberi arahan dalam bilik darjah, serta menjawab soalan murid secara spontan dalam bahasa Arab. Sebahagian besar peserta mengakui mereka hanya terdedah kepada bentuk tulisan dan hafalan tatabahasa dalam pengajian di IPG. Hal ini menyebabkan mereka tidak yakin untuk bertutur secara spontan, khususnya semasa latihan mengajar.

“Bila saya nak arahkan murid buat aktiviti dalam bahasa Arab, saya ambil masa nak fikir ayat. Kadang-kadang saya guna Bahasa Melayu juga sebab tak yakin.” (P4)

Subtema 1.2: Kekangan Kurang Latihan Bertutur

“Kami lebih banyak buat latihan menulis dan jawab soalan tatabahasa. Tapi tak ada sangat peluang bercakap Arab dalam kelas.” (P7)

Tema 2: Pengaruh Suasana Imersif terhadap Keyakinan Berbahasa

Subtema 2.1: Persekitaran Yang Menyokong Penggunaan Bahasa

Semua peserta menyatakan bahawa program Komunikatif Arab Adaptasi Pare mewajibkan penggunaan bahasa Arab dalam semua aktiviti harian termasuk pergaulan sesama pelajar, telah membina keyakinan dan kelancaran mereka dalam berkomunikasi. Aktiviti seperti perbualan pagi, latihan bertutur berkumpulan, dan tugasan praktikal harian membantu mereka mengatasi rasa malu dan meningkatkan motivasi untuk menggunakan bahasa secara aktif.

“kami kena cakap Arab setiap masa. Bila semua guna bahasa yang sama, saya rasa lebih berani dan cepat tangkap.” (P2)

Subtema 2.2: Sokongan Rakan dan Pengajar

“Tenaga pengajar dan kawan-kawan tolong betulkan kalau saya salah cakap. Itu yang buat saya rasa selesai nak terus cuba.” (P9)

Tema 3: Implikasi Latihan Pare terhadap Pembelajaran Berkesan

Subtema 3.1: Latihan Berasaskan Situasi Nyata

Peserta menyifatkan bahawa pendekatan Pare memberikan ruang pembelajaran yang menyeronokkan, bermakna dan tidak terlalu berorientasi peperiksaan. Pendekatan ini membolehkan mereka memahami penggunaan bahasa dalam konteks sebenar.

“Saya belajar cara guna bahasa Arab masa beli barang, buat aktiviti berkumpulan – semua tu membantu masa saya mengajar semula.” (P6)

Subtema 3.2: Cadangan untuk Adaptasi dalam Latihan IPG

“Kalau IPG boleh buat modul macam Pare, mesti lebih ramai pelatih dapat kuasai bahasa Arab lisan dengan lebih baik.” (P1)

Perbincangan

Dapatan ini selari dengan pandangan al-Ghazali dalam Ihya' Ulum al-Din yang menegaskan kepentingan al-tafaquh fi al-din, iaitu memahami ilmu agama melalui amalan, interaksi dan bimbingan langsung (talaqqi). Suasana imersif dan interaktif di Pare dapat dianggap sebagai refleksi pembelajaran beradab yang disarankan oleh al-Ghazali. Tambahan pula, prinsip komunikasi dalam al-Quran (Ibrahim: 4) dan Hadis menunjukkan bahawa penyampaian ilmu hendaklah dalam bahasa yang dapat difahami dan diamalkan, bukan sekadar dihafal secara teori. Hal ini terbukti apabila guru pelatih dapat menyampaikan ilmu dengan lebih yakin setelah melalui pendekatan pembelajaran berasaskan komuniti seperti di Pare.

Kajian ini turut menyokong dapatan kajian Noraini et al. (2022) dan Rahmat (2021) yang menekankan keberkesanan pendekatan komunikatif dan autentik dalam membina keyakinan lisan pelajar. Manakala Latif dan Rahman (2020) yang menekankan pendekatan tatabahasa, perlu dilihat sebagai pelengkap kepada kemahiran struktur, namun tidak memadai untuk membina kefasihan komunikasi. Ini memberi pemahaman bahawa keberkesanan pendekatan Pare dalam meningkatkan komunikasi bahasa Arab guru pelatih adalah kerana ia menggabungkan elemen pengalaman sebenar, sokongan sosial dan latihan praktikal yang jarang diperoleh dalam sistem latihan konvensional. Pelatih lebih terdorong untuk menggunakan bahasa Arab secara spontan apabila mereka berada dalam suasana yang memerlukan penggunaan bahasa secara menyeluruh. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kefasihan, tetapi juga membina keyakinan serta kesediaan untuk mengajar menggunakan bahasa Arab dalam konteks sebenar bilik darjah.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa keperluan komunikatif guru pelatih bukan sekadar latihan linguistik, tetapi juga melibatkan latihan yang berasaskan pengalaman, sokongan sosial, dan suasana pembelajaran yang hidup. Ini menuntut penambahbaikan dalam reka bentuk latihan guru agar lebih kontekstual dan reflektif terhadap realiti bilik darjah.

Kesimpulan

Kajian ini telah mengenal pasti bahawa keperluan komunikatif dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam adalah tinggi, terutamanya dalam aspek kemahiran menyampaikan isi pelajaran, memberi arahan bilik darjah, dan berinteraksi secara spontan dalam bahasa Arab. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan pembelajaran bahasa Arab dalam program ini memberikan kesan positif terhadap peningkatan keyakinan dan kefasihan guru pelatih melalui suasana pembelajaran yang immersif, kontekstual dan berasaskan komuniti. Pendekatan ini juga selari dengan prinsip pendidikan Islam yang diketengahkan oleh al-Ghazali, iaitu al-tafaqquh fi al-din, yang menekankan pembelajaran melalui bimbingan langsung, penghayatan nilai, dan komunikasi dalam konteks sebenar.

Berdasarkan dapatan ini, beberapa cadangan telah dikemukakan. Pertama, Institut Pendidikan Guru (IPG) disarankan untuk membangunkan modul latihan bahasa Arab yang menekankan penggunaan bahasa dalam konteks harian dan pengajaran sebenar, bukan sekadar berasaskan tatabahasa. Kedua, elemen simulasi bilik darjah, latihan bertutur secara berkumpulan dan aktiviti komunikatif perlu diperbanyak dalam kurikulum. Ketiga, IPG boleh mewujudkan kerjasama jangka pendek atau pertukaran program dengan institusi seperti Kampung Pare untuk memperkasa pendedahan pelajar terhadap suasana pembelajaran yang immersif. Akhir sekali, latihan guru perlu diselaraskan dengan teori pendidikan Islam agar penguasaan bahasa bukan hanya bersifat teknikal, tetapi juga mampu membentuk guru yang berwibawa dan beradab.

Kesimpulannya, kajian ini menyumbang kepada penambahbaikan pendekatan latihan guru Pendidikan Islam dalam penguasaan komunikasi bahasa Arab, dan memberikan saranan yang realistik untuk memperkukuh pelaksanaan pengajaran bahasa yang lebih berkesan dan berteraskan nilai Islam.

Penghargaan

Dengan penuh penghargaan, saya merakamkan terima kasih kepada Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) atas keizinan dan sokongan dalam pelaksanaan kajian ini. Penghargaan turut ditujukan kepada Dr. Jazmi bin Mat Isa, Pensyarah IPGK Sultan Abdul Halim, atas bimbingan dan panduan yang bernilai sepanjang proses penyelidikan. Ucapan terima kasih juga diberikan kepada para pelajar yang terlibat, atas komitmen dan kerjasama mereka yang menjadi asas penting dalam pengumpulan data. Tidak dilupakan sokongan moral daripada rakan-rakan dan keluarga, yang telah memberi dorongan berterusan sehingga kajian ini dapat disempurnakan dengan dedikasi. Semoga hasil kajian ini menyumbang kepada pengukuhan kemahiran komunikasi bahasa Arab dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam, khususnya melalui adaptasi Modul Pare secara lebih berkesan.

Rujukan

- Al-Ghazali. (n.d.). *Ihya' Ulum al-Din*. Kaherah: Dar al-Ma'rifah.
- Ahmad, K., & Mahmood, R. (2021). Immersive language learning: Strategies for enhancing Arabic oral proficiency. *International Journal of Arabic Language Teaching*, 4(2), 75–89.
- Ali, H., & Yusuf, M. (2020). The role of authentic materials in communicative Arabic teaching. *Arab World English Journal (AWEJ) Special Issue on CALL*, 6, 125–140.
- Fauzi, A., & Rahmawati, S. (2023). Authentic performance assessment in Arabic speaking classes. *International Journal of Language Education and Culture*, 5(2), 110–121.

- Hanifah, N., Rahman, M., & Sulaiman, M. (2022). Integrating technology in Arabic teacher training: A qualitative perspective. *Journal of Arabic Education*, 10(1), 45–59.
- Haron, S., & Rahman, S. (2021). Integrasi nilai Islam dalam pengajaran bahasa Arab: Satu tinjauan. *Jurnal Pendidikan Islam Malaysia*, 9(1), 33–48.
- Karim, M., & Abdullah, N. (2019). Contextual teaching and learning in Arabic education: A Malaysian perspective. *Journal of Language and Education*, 5(3), 112–120.
- Latif, M., & Rahman, F. (2020). Efektiviti pendekatan tatabahasa dalam penguasaan bahasa Arab pelajar sekolah menengah. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 8(2), 44–52.
- Miftahul Mufid, A., Rofiq, A., & Sukarno. (2023). Community-based Arabic speaking programs: A case study in Indonesian Islamic boarding schools. *Journal of Islamic Language Education*, 7(1), 25–37.
- Noraini, R., Azlan, H., & Mahmud, M. (2022). Pendekatan komunikatif dalam pengajaran bahasa Arab di Malaysia: Satu analisis keperluan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Arab*, 5(1), 60–72.
- Omar, N., & Ismail, M. (2022). Penggunaan strategi talaqqi dalam meningkatkan kemahiran komunikasi bahasa Arab pelajar IPT. *Jurnal Linguistik dan Pendidikan*, 12(1), 55–67.
- Rahmat, R. (2021). Pengaruh pembelajaran autentik terhadap keyakinan berbahasa Arab dalam kalangan pelatih guru. *International Journal of Language Education*, 3(4), 22–35.
- Salleh, H., & Rahim, R. (2023). The effectiveness of peer-assisted learning in Arabic speaking classes. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 20(2), 99–115.
- Syaifudin, A. (2020). Keberkesanan program pembelajaran bahasa Arab di Kampung Pare. *Jurnal Pendidikan Bahasa*, 18(2), 45–60.
- Yusuf, A., & Hakim, L. (2020). Arabic language immersion programs: A comparative study between Malaysia and Indonesia. *International Journal of Humanities and Social Science Research*, 8(4), 210–219.
- Zulkifli, A., & Hassan, N. (2019). Tinjauan keupayaan lisan guru pelatih dalam pengajaran bahasa Arab. *Prosiding Seminar Pendidikan Kebangsaan*, 9(1), 115–127.